# Syair Semenanjung

## (oleh Ahmad Husin)

287 . Dagangan yang baik diangkut
kapal,
nampaknya itu manusia dan lemak,
orang yang sesak bersalah
sabil,
kapal yang sarat lalu dirompak,

288. Inilah zaman sibuknya
perempuan,
mencari mengsamatara lalulah galak,
Kapal Sepanyol yang penuh
berasak,
di Hindia barat perempuan mendesak.

289. Inilah zaman pertahanan
Elizebeth,
raja Inggeris yang terkenal
dan masyhur,
Gemilangnya pertahanan tak payah
dibahas,
musuh yang melanggar di laut
terkubur.

290. Kelasi Elizebeth
bermain di air,
di lautan Antartika yang luas
dan garang,
mencari untung berlatih
belayar,
kapal Sepanyol banyak diserang.

291. Kelasi Elizebeth,
Frobisyer dan Drake,
merayau di Atlantik tidaklah
jelak,
musuh di lautan sentiasa
diusik,
Kapal yang sarat lalu digasak,

292. Dagangan Timur jadi
idaman,
hati Inggeris tidaklah nyaman,
jalan tersekat di segala
lautan,
Portugal dan Sepanyol,
punya kawalan.

293. Saudagar Inggeris orang
berani,
menempuh bahaya tidak
peduli,
Kapal dihantar jalan
mencari,
cubaan dibuat bertubi-tubi

orang-orang yang termasuk di dalam syahid yang kedua itu ialah orang-orang yang masuk (dalam organization perang) di dalam peperangan yang menegakkan kalimah Alla – tidak yang lain hanya sanya ia berperang itu adalah kerana hendak mendapat bahagian daripada rampasan perang semata dan kerana itulah ia tidak mendapat pahala akhirat yang dijanjikan Tuhan.
Oleh memandang keadaan-keadaan di sekeliling kita sekarang maka peringkat perjuangan yang ada di Malaya tidak tersususn dan diatur oleh suatu niat yang tertentu untuk menegakkan kalimah Allah maka kita berpendapat bahawa tidak sampai peringkatnya kepada had yang tersebut kerana bolehkah diberi sesuatu keterangan yang nyata dan tepat bahawa mereka berjuang itu diatur kepada tujuan-tujuan yang tersebut?
Kita rasa memadai dahulu hingga di sini.

294. Jalan ke China hendak
dicari,
penjuru utara jalan
di siasah,
berangkatlah kapal beberapa
kali,
jalan yang dicari tidaklah
dapat.

295. Portugal dan Sepanyol
lautan dikelola,
ditentunya itu mereka yang
punya,
pihak yang sesak tuntutan
dicela,
tuntutan yang melampau mereka
bertanya.

296. Patutkah udara dan
lautan dunia,
menjadi milik sebuah
pegawai?
tidaklah itu perbuatan
Inyai
membulat lautan begitu
cara?

297. Kami yang juga hidup
di dunia
sama berhak lautan
mengguna,
janganlah kami kamu pada ia,
tuntutanmu tidaklah kena
lautan dan udara hak
manusia,
benarnya itu sahlah sudah,
perbuatan membulat tentulah
sesia,
sikap membulat akan
diludah.

299. Nakhoda Drake yang berani
dan garangm
merayu di laut musuh
disaring,
Atlantika dan Pasifik
ia menyerang,
sampai ke Timur tidak
terhalang.

300. Sampailah Dreak ke pulau
rempah,
puncanya Portugis mendapat
khazanah,
sibuklah Drake membuat
helah,
muatan di kapal banyak bertambah.

301. Dari Timur ke luarlah
Drake,
membawa kapal belayar balik,
buah di jalan lalu dipetik,
pelayarannya itu jaya dan
molek.

302. Negeri Sepanyol yang
berkuasa di laut,
orang Portugis dapat
ditunduk,
orang Inggeris pula diugut,
segala dunia hendak ditakluk.

303. Sepanyol yang tamak lautan,
dibulat,
kapalnya banyak khazanah mengangkut,
perbuatannya itu tidaklah dipatut,
Inggeris berazam dagangan
merebut,

302. Jika dagangan hendak direbut,
mestilah Inggeris kuat
di laut,
terlatih simpul tak boleh
diangkut,
hak manusia mesti dituntut,
mulalah perjuangan yang hebat
dan besar,
Kapal Sepanyol Inggeris
menjalar,
hingga Sepanyol tak tahan sabar,
negeri Inggeris hendak
dilanggar.

306. Mulalah Sepanyol mengambil
Kapal yang banyak habis dikerah,
langkah,
berkumpul di Cardiff menunggu
perintah,
perintah raja yang terlalu marah.

(sambungan)